

Amaran hujan berterusan di Terengganu, Pahang, Johor

Faris Fuad

am@hmetro.com.my



BALAI Polis Kuala Jengai, Hulu Dungun yang dinaiki air susulan banjir, baru-baru ini. FOTO ihsan polis.

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) mengeluarkan amaran hujan berterusan (waspada) di Terengganu, Pahang dan Johor, selama dua hari bermula esok.

Di Terengganu membabitkan Dungun dan Kemaman, Pahang (Kuantan, Pekan dan Rompin) serta Johor (Mersing dan Kota Tinggi).

Ketua Pengarah METMalaysia, Muhammad Helmi Abdullah berkata, penumpuan angin dijangka berlaku di perairan pantai Pahang dan Johor.

Katanya, keadaan itu boleh menyebabkan peningkatan kelembapan berpotensi hujan berterusan di selatan Terengganu, timur Pahang dan timur Johor dalam tempoh berkenaan.

"Setakat 1 tengah hari hari ini, kita keluarkan amaran hujan di lokasi berkenaan. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui laman web rasmi jabatan, aplikasi mobil myCuaca dan laman media sosial rasmi.

"Mereka boleh menghubungi talian hotline METMalaysia di 1-300-22-1638 bagi sebarang pertanyaan lanjut," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Disiarkan pada: Mac 3, 2022 @ 4:36pm
